

## **PENGUKUHAN HEGEMONI SOSIO-BUDAYA MELAYU DALAM *SRENGENGE***

**CONSOLIDATION OF THE SOCIO-CULTURAL HEGEMONY IN *SRENGENGE***

**Azhar Wahid  
Fathin Noor Ain Ramli**  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Email:** azhar@fbk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Konsep Hegemoni merujuk kepada penguasaan secara menyeluruh (*domination*) ke atas negara atau kumpulan, digunakan untuk meneliti bentuk-bentuk politik, budaya dan ideologi tertentu dalam sesuatu masyarakat. Dalam konteks hari ini, segala bentuk sosio-budaya masyarakat mengalami pembaharuan dan perubahan yang dilakukan untuk keperluan hidup didapati senantiasa berubah, tetapi mengekalkan keberkesinambungannya seperti yang digambarkan oleh Shahnon Ahmad dalam *Srengenge*. Pendekatan *Fungsionarisme* Hegemoni digunakan untuk menganalisis secara tekstualiti novel *Srengenge* yang memperlihatkan pengukuhan hegemoni sosio-budaya dalam masyarakat Melayu. Dapatkan kajian menunjukkan keunikan nilai sosio-budaya atau kebitaraan pengekalan sesuatu nilai sosio-budaya masyarakat Melayu adalah bergantung kepada ketekalan, kesinambungan dan perubahan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu bersesuaian dengan segala perubahan persekitarannya. Penceritaan dalam *Srengenge* yang diolah melalui rakaman

realiti dan imaginasi, bukanlah sesuatu yang mengejutkan atau sesuatu yang kelihatan seolah-olah melangkah mundur ke belakang, tetapi realitinya menuntut masyarakat mengukuhkan hegemoni sosio-budaya yang berpegang kepada segala unsur budaya tradisi dan diperkuatkan dengan amalan keagamaannya. Rumusannya, norma-norma sosial yang dikenali sebagai adat menjadi teras kepada warisan budaya tradisi yang tergambar dalam *Srengenge* dapat memperkuatkan hegemoni sosio-budaya dalam kehidupan harian masyarakat Melayu tradisi.

**Kata Kunci:**Hegemoni, Sosio-budaya, Bangsa, Realiti, Tradisi

### **Abstract**

The concept of Hegemony refers to the total domination of a nation or group, used to study certain political, cultural and ideological forms in a society. In today's context, all socio-cultural forms of society experiencing innovation and changes made for the needs of life is constantly changing, but maintains its continuity as depicted by Shahnon Ahmad in the *Srengenge*. The Hegemonic Functionalism approach is used to analyze the textual quality of the *Srengenge* whereby shows the strengths of socio-cultural hegemony in the Malay community. The findings show that the socio-cultural uniqueness or sustainability of a socio-cultural values of the community is dependent on the consistency, continuity and changes made by the community in accordance with the changes in its environment. The narration in the *Srengenge* is created through the reality

recording and imagination, is not something shocking or something that seems as if it is taking a step backwards, but the reality demands that the community reinforce a socio-cultural hegemony that embraces all elements of traditional culture and is strengthened by its religious practice. In summary, social norms known as custom become the core of the traditional cultural heritage depicted in the Strengenge can strengthen the socio-cultural hegemony in the daily life of the Malay community traditions.

**Keywords:** Hegemony, Socio-culture, Nation, Reality, Tradition

## 1.0 Pengenalan

Orang Melayu meletakkan hubungan sosio-budaya dalam kalangan anggota kelompoknya amat penting dan sangat ditekankan dalam kehidupan harian. Penekanan kepada hubungan sosial yang erat dalam masyarakat Melayu tradisional seperti yang digambarkan oleh Shahnon Ahmad dalam *Srengenge* ditentukan oleh suasana alam sekitar masyarakat itu, termasuk juga kedudukan ekonomi dan politiknya. Nilai-nilai sosio-budaya yang menekankan kepada kerjasama, tolong menolong, hormat menghormati antara satu sama lain, bertolak ansur dan menjaga maruah atau harga diri amat dititikberatkan. Kegiatan yang bercorak kerjasama, tolong menolong dan bantu membantu tersebar luas dalam berbagai kegiatan, antaranya kegiatan sosial penduduk kampong seperti menepuk, menggetah, meracik dan menjebak di Bukit

Srengenge yang menjadi tempat kebiasaan bagi mereka mendapat kenikmatan yang amat besar ketika musim menunggu padi untuk dituai. Dengan berbuat demikian mereka dapat terus mengekalkan hubungan sosial dan dapat menguruskan kegiatan ekonomi yang memerlukan tenaga yang banyak. Sumbangan tenaga yang diberikan dalam bentuk kerjasama itu tidak mengharapkan balasan, tetapi mereka menyedari sebagai tanggungjawab yang menjadi oligasi kepada kehidupan sosial-budaya yang demikian.

Kelaziman atau kebiasaan yang menjadi tradisi dalam kehidupan masyarakat Melayu sejak lama dahulu tidak mudah lenyap atau hilang apabila mereka menganut Islam. Proses penyesuaian dilakukan bagi mengekalkan unsur-unsur kepercayaan warisan yang telah bersebatи dengan kehidupan mereka sekian lama. Unsur-unsur yang bercanggah dengan nilai-nilai Islam disesuaikan bagi membolehkan mereka meneruskan amalan tradisinya. Dalam konteks hari ini, segala bentuk sosio-budaya masyarakat mengalami pembaharuan dan perubahan yang dilakukan untuk keperluan hidup yang senantiasa berubah, tetapi mengekalkan keberkesinambungan amalan tradisinya secara turun temurun seperti yang digambarkan oleh Shahnon Ahmad dalam *Srengenge*.

Di samping itu, dalam kehidupan harian berbagai-bagai bencana boleh menimba. Mereka tidak dapat menerangkan secara rasional tentang masalah dan bencana hidup, melainkan mereka kembali kepada kepercayaan tradisi yang diwarisinya. Dalam kepercayaan warisan telah tersusun tata-kola dan langkah-


langkah untuk menjaga keselamatan hidup, terutama usaha mengelakkan daripada bencana kuasa luar biasa. Justeru itu, penceritaan dalam *Srengenge* yang diolah melalui rakaman realiti dan imaginasi, bukanlah sesuatu yang mengejutkan atau sesuatu yang kelihatan seolah-olah melangkah mundur ke belakang, tetapi realitinya menuntut masyarakat membina hegemoni sosio-budaya yang berpegang kepada segala unsur budaya tradisi dan diperkuuhkan dengan amalan keagamaannya.

## **2.0 Pendekatan *Fungisionarisme Hegemoni***

Konsep Hegemoni merujuk kepada penguasaan secara menyeluruh (*domination*) atau kepimpinan satu negara ataupun kumpulan dan sebagainya ke atas negara atau kumpulan yang lain. Gramsci (1971) menganggap dunia gagasan dan kebudayaan sebagai superstruktur yang bukan hanya sebagai refleksi atau ekspresi dari struktur kelas ekonomi atau infrastruktur yang bersifat material, melainkan sebagai salah satu kekuatan material itu sendiri. Malah, sesuatu gagasan dunia atau ideologi berfungsi untuk mengorganisasikan pergerakan masyarakat. Pada asasnya digunakan untuk meneliti bentuk-bentuk politik, budaya dan ideologi tertentu dalam sesuatu masyarakat, namun diterapkan dalam *Srengenge* yang memperlihatkan kukuhnya hegemoni sosio-budaya dalam masyarakat Melayu.

Melalui Pendekatan *Fungisionarisme Hegemoni*, Gramsci meneliti jajaran fungsi-fungsi dan efek-efek dari strata sebagai fungsionaris hegemoni kaum intelektual, pendidikan, bentuk kebudayaan tinggi dan popular, sejarah negara,

ideologi dan kepercayaan-kepercayaan popular serta *common sense* (Lihat rajah 1).



Rajah 1: Fungisionarisme Hegemoni Gramsci

Setiap stratum sosial itu mempunyai *common sense*-nya sendiri yang merupakan konsepsi yang paling tersebar mengenai kehidupan manusia. *Common sense*, bagi Gramsci merupakan konsepsi tentang dunia yang paling pervasif tetapi tidak sistematik. *Common sense* itu mempunyai dasar dalam pengalaman popular tetapi tidak mepresentasikan suatu konsepsi yang terpadu mengenai dunia seperti halnya filsafat. Filsafat merupakan pemikiran intelektual yang tidak dapat dicapai oleh agama yang bersifat kolektif dan disesuaikan dalam menganalisis sosio-budaya masyarakat Melayu dalam *Srengenge*.

Gramsci (1971) mengatakan bahawa setiap kelompok sosial mempunyai *common sensenya* sendiri yang secara mendasar merupakan konsepsi yang paling tersebar mengenai kehidupan manusia. Setiap arus filosofis manusia meninggalkan endapan pada *common sense* yang merupakan dokumen dari efektivitas sejarahnya. Dalam filsafat ciri-ciri elaborasi fikiran individu merupakan sesuatu yang paling menonjol, dalam *common sense* yang menonjol adalah ciri-ciri yang tersebar, tidak berkordinasi dari bentuk fikiran bersama pada zaman tertentu. Namun, setiap filsafat mempunyai kecenderungan untuk menjadi *common sense* dalam suatu lingkungan yang terbatas iaitu kaum intelektualannya. Oleh yang demikian, hal ini merupakan suatu permulaan dari filsafat yang telah menikmati suatu difusi tertentu kerana ia berhubungan dengan implisit dalam kehidupan masyarakat.

Gramsci (1971) memberikan konsep kebudayaan yang lebih tepat, adil dan demokratis dalam kebudayaan sebagai organisasi, berdisiplin diri batiniah seseorang yang merupakan suatu pencapaian dengan kesadaran yang lebih tinggi, berhasil dalam memahami nilai persejarahan dirinya, berfungsi dalam kehidupan, hak-hak dan kewajibannya. Meskipun demikian, konsep itu tidak mungkin wujud secara spontan seperti aksi atau reaksi dari kehendak seseorang seperti yang terjadi pada binatang atau tumbuh-tumbuhan dalam proses alamiah. Persoalan kebudayaan yang demikian menjadi menarik bagi Gramsci kerana dari itu orang dapat mendeduksikan pentingnya aspek budaya dalam aktiviti kolektif yang praktis. Segala aktiviti budaya itu akan bermula pada satu

sasaran utama, iaitu penciptaan satu iklim budaya yang tunggal melalui suatu proses yang rumit. Penciptaan satu iklim yang tunggal itu menuntut pemersatuan sosio-budaya yang melaluinya pelbagai kehendak dan tujuan yang tersebar secara heterogen. Kegiatan serupa itu merupakan amalan tradisi yang mungkin dilakukan oleh anggota masyarakat secara perwarisan turun-temurun seperti yang kedapatan dalam *Srengenge*.

### **3.0 Pengukuhan Hegemoni Sosio-budaya Masyarakat Melayu**

Dalam *Srengenge* digambarkan oleh Shahnon Ahmad akan masyarakat Melayu yang berhadapan krisis dengan kepercayaan warisan (animisme). Kepercayaan ini dikaitkan dengan kewujudan semangat (*spirit*), penunggu, puaka, makhluk alam ghaib yang lain. Semangat dipercayai hidup di merata tempat sama ada di kawasan pertanian (sawah atau kebun), lautan, pantai, hutan rimba, rumah dan dalam diri manusia itu sendiri. Orang Melayu tradisi percaya bahawa makhluk ini boleh dan dapat menunaikan segala permohonan para pemohon atau pemujanya. Bagi upacara yang melibatkan makhluk ghaib ini dilakukan oleh perantara atau orang tengah yang dikenali sebagai bomoh atau pawing yang menghubungkan manusia dengan segala makhluk ghaib. Khidmat bomoh sering diminta jika berlakunya keuzuran atau sakit menimpa salah seorang anggota masyarakat. Pada masa kini, bomoh sering dikaitkan dengan perubatan yang melibatkan hal-hal magis seperti sakit buatan orang atau ada orang yang hendak menunaikan hajat atau tujuan-tujuan lain. Pawang sebaliknya banyak

melibatkan upacara bagi seluruh penduduk seperti upacara menjamu di Bukit Srengenge.

Dalam kehidupan manusia, hubungan dengan alam sekitar tidak boleh dipisahkan. Alam sekitar itu menjadi sebahagian dari makhluk manusia itu. Selagi manusia hidup maka selama itu hubungannya dengan alam sekitar tetap wujud. Manusia itu juga merupakan sebahagian daripada alam sekitar yang dijadikan Tuhan. Alam sekitar menjadi sumber penting kepada kehidupan manusia. Tuhan menjadikan alam sekitar bagi tujuan kehidupan manusia. Hidupnya manusia itu bergantung kepada alam sekitar seperti makanan, tempat tinggal dan keperluan lain. Manusia berusaha menguasai alam sekitar di samping dirinya terpaksa menyesuaikan dengan kehendak-kehendak alam sekitar. Budaya yang merupakan penyataan masyarakat itu tidak dapat dipisahkan daripada alam sekitar.

Juteru itu dalam pengisian hidup demikian, orang-orang Melayu juga mempercayai akan makhluk ghaib lain yang dijadikan Allah merupakan sebahagian daripada alam ini. Makhluk ghaib ini pula tidak dapat dipisahkan daripada manusia dan alam yang lain. Makhluk ghaib itu sebagaimana manusia juga sebagai makhluk Allah, mempunyai berbagai-bagai kategori atau jenis. Dalam memberikan jenis itu orang-orang Melayu dapat meletakkan kedudukan mereka pada rangka baik dan jahat. Kita percaya terdapat makhluk ghaib yang jahat dan juga makhluk ghaib yang baik. Dalam rangka ini makhluk ghaib yang jahat itu boleh membawa ancaman kepada manusia dan ini boleh diletakkan

sebagai musuh manusia. Namun, sebaliknya bagi yang baik itu dianggap sebagai kawan dan manusia dapat berinteraksi dan mempunyai hubungan yang baik bagi menentukan sebagai kawan dalam melawan atau menentang makhluk yang lagi satu itu.

Perlakuan tersebut digambarkan oleh Shahnon Ahmad dalam *Srengenge*, bermula apabila watak utamanya iaitu Awang Cik Teh melahirkan hasrat untuk menutuh, menebas, memugar dan membersihkan Bukit Srengenge. Namun, hasrat Awang Cik Teh ini telah mendapat halangan yang maha besar dan penduduk kampong yang bertitik tolak dari beberapa sebab dan keadaan. Bukit Srengenge telah menjadi tempat kebanyakkan penduduknya menghabiskan masa lapang. Antaranya ialah kebiasanya penduduk kampong menepuk, menggetah, meracik dan menjebak di Bukit Srengenge yang mana telah menjadi tempat kebiasaan yang memberikan kenikmatan yang amat besar kepada penduduk ketika musim menunggu padi untuk dituai. Maka, penduduk kampung tidak mahu sesiapa yang merosakkan Bukit Srengenge. Penduduk kampung mempercayai bahawa bukit tersebut mempunyai penunggu dan 'datuk-datuk' yang memeliharanya. Jika ada sesiapa yang ingin mengusik bukit tersebut, akibatnya akan dirasai seluruh penduduk kampung. Itulah dikatakan hegemoni kepercayaan warisan yang dipegang oleh penduduk setempat begitu kuat atau kukuh seperti yang digambarkan dalam petikan berikut;

‘Sesungguhnya Imam Hamad tidak peduli. Tidak ada gunanya  
meracik lagi kalau denak naik bacul di gelanggang tanah

Srengenge . Itu celaka yang paling besar. Belum pernah seumur hidupnya denak jadi kecut tanpa sebab. Apakah ada geruh yang ghaib? Atau, kena jampi Awang Cik Teh?’

(*Srengenge*. 2003. hal: 78 dan 79)

Di samping itu, terdapat juga gambaran tentang penduduk di kaki Bukit Srengenge masih berpegang kepada perkara-perkara kurafat dengan mempercayai bahawa ada sesuatu yang berlaku disebabkan oleh penggunaan ilmu sihir, turut mengganggu dalam kehidupan harian mereka.

'Dia terpegun beberapa ketika. Dia tidak percaya orang yang pergi itu Imam Hamad. Lebih-lebih lagi dia percaya orang yang membunuh Jebat itu Imam Hamad. Kalaupun rupanya Imam Hamad, dia bukan Imam Hamad. Sudah tentu diubah orang. Mungkin pak su mengubah sikapnya. Kalau dia betul-betul Imam Hamad , dia tidak akan membunuh Jebat. Dia kenal Imam Hamad bukan sebulan dua. Sudah bertahun-tahun. Dan, selama bertahun-tahun itu berdenak tekukur bukan lagi seperti belajar gayung. Berdenak bagi Imam Hamad sama seperti makan. Sama seperti tidur. Sama seperti sembahyang. Sampai ketika mesti berangkat. Tidak kira hujan. Tidak kira panas.

(*Srengenge*. 2003. hal: 82 dan 83)

Berdasarkan petikan dari novel di atas, dapat dibuktikan bahawa, masyarakat setempat pada ketika itu begitu semangat mempercayai kepercayaan animisme. Jika terdapat sesuatu yang pelik, mereka cepat melatah dan terlalu mudah untuk mengaitkan kejadian atau sesuatu yang terjadi adalah berpuncak dari makhluk halus samaada jin atau syaitan. Itulah mentaliti masyarakat di kaki Bukit Srengenge yang sangat taboo dan sukar diubah. Kepercayaan mereka yang mengatakan bahawa Bukit Srengenge itu mempunyai penunggu yang mana dijaga oleh datuk-datuk. Mana-mana penduduk kampung yang cuba menganggu Bukit Srengenge nescaya akan ditimpa malapetaka dan mengundang kemarahan penunggu Srengenge. Jika terkena sampuk seperti yang dialami oleh Imam Hamad, mereka terus mempercayai bahawa ianya adalah angkara penunggu Bukit Srengene. Maka untuk mengubati sampuk tersebut adalah dengan perubatan bomoh. Namun takdir Allah SWT, walaupun setelah berubat, Imam Hamad akhirnya telah meninggal dunia juga.

Dengan kata lain, kepercayaan tradisi (warisan) masih kuat mempengaruhi tradisi adat di kalangan orang-orang Melayu. Kepercayaan warisan itu yang berlandaskan kepada animisme, iaitu bercorak fetishim dan spiritual telah terserlah memperkuuhkan hegemoni sosio-budaya dalam masyarakat Melayu tradisi. Berasaskan kepada fetishisme itu, kepercayaan kepada semua perkara dalam alam ini mempunyai kuasa atau semangat yang mesti dipuja atau mempengaruhi perlakuan hidup anggota masyarakat. Kepercayaan kepada semangat dikatakan spiritualisme yang mempengaruhi

perlakuan-perlakuan anggota masyarakat. Oleh yang demikian, berasaskan kepada kepercayaan warisan itu maka anggota-anggota masyarakat perlu menentukan peraturan atau adat bagi menghormati atau menyembah kuasa-kuasa luar biasa yang dipercayai itu. Malah kepercayaan warisan itu juga boleh membawa kesan-kesan tertentu dalam pembinaan atau pengamalan adat tradisi. Upacara-upacara yang berkaitan dengan kepercayaan itu selalu dilakukan dan ini termasuklah adanya jampi serapah dan mentera yang berkaitan dengan kepercayaan demikian.

Tidak dapat dinafikan bahawa orang-orang dahulu amat kuat akan kepercayaan mereka terhadap makhluk-makhluk halus dan penunggu-penunggu yang mengawasi hutan belantara. Sebagai muslim, kita juga tidak dapat menafikan kewujudan mereka kerana mereka juga adalah makhluk ciptaan Allah SWT makhluk-makhluk halus itu ialah makhluk-makhluk yang dicipta oleh Allah SWT tanpa berjisim yang pada kebiasaannya tidak dapat dilihat oleh mata atau dirasa dengan tangan. Mereka hidup di alamnya atau alam ghaib Makhluk-makhluk ini ada asal kejadiannya daripada cahaya, iaitu malaikat, yang sentiasa taat kepada perintah Allah, dan ada yang asal kejadiannya daripada api iaitu yang terdiri daripada jin, iblis, syaitan dan sebagainya. Beriman atau mempercayai tentang adanya makhluk-makhluk halus dan hal-hal yang ghaib seperti ini adalah di antara ciri-ciri mukmin yang bertakwa kepada Allah SWT.

Seterusnya, watak Useng iaitu sebagai bomoh dilihat sebagai watak yang sangat tebal dengan kepercayaan kuasa ghaib. Dalam novel ini, Useng dilihat

memainkan peranan penting menyelamatkan wanita yang beranak songsang, merawat anak yang sawan, dipatuk ular selar, orang dirasuk, dan lain-lain. Tindakan Useng yang menabur beras pulut di hadapan rumah Imam Hamad dan membaca ayat-ayat al-Quran serta mantera untuk menghalau penunggu yang ada pada Imam Hamad juga dapat dilihat sebagai salah satu kepercayaan terhadap kuasa ghaib kerana penggunaan mantera yang digunakan. Useng percaya bahawa dia akan mengetuai rombongan tersebut dengan pertolongan jin Islamnya. Useng duduk bertapa menghadap bukit Srengenge dan menyeru bukit tersebut untuk mencari petanda bagi memulakan perjalanan, Jin yang diserunya muncul dalam bentuk sheikh serba putih yang kemudiannya mengangguk. Srengenge tiba-tiba bercahaya. Useng bingkas bangun dan menabur beras di kawasan sekitar. Mereka memulakan perjalanan sambil diucapkan selamat jalan oleh kaum perempuan dan Awang Cik Teh yang ditinggalkan bersama Imam Hamad.

"Useng tersepuk rebah ke atas lantai di sisi Imam Hamad.

Sesungguhnya jawapan itulah yang ditunggu-tunggu. Sudah tahu asal-usulnya. Sudah tahu cara menghadapnya. Diah dan Saad Cik Lah bingkas berdiri dan menghadap Useng yang lembik tidak sedarkan diri itu. Jantan terpa masuk bilik mengambil sehelai tikar dan sebiji bantal. Useng dibaringkan di atasnya. Tidak lama lagi dia kan sedar kembali. Akan menjadi Useng seperti sediakala. Dia tidak akan ingat segala-galanya. Tetapi, itu bukan payah. Para

tamu semuanya dengar. Awang Cik Teh, Debasa, Kasseng, Diah, Saad Cik Lah dan lain-lain masuk budak-budak dan perempuan-perempuan semua dengar apa kehendak Srengenge. Ternyata orang itu bukan orang baru. Bukan orang asing. Orangnya orang Srengenge juga. Boleh kata raja Srengenge. Dan, sekarang dia sendiri mengaku. Mesti berjamu.'

(*Srengenge*. 2003. hal : 184)

Melalui petikan di atas, setelah beroleh jawapan, amalan penyediaan makanan untuk menjamu penunggu bermula. Penduduk Srengenge bekerjasama menyediakan badang untuk dibawa berarak ke Srengenge walaupun dilihat kerjasama dalam masyarakat tersebut, namun mereka masih lahi mengamalkan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Kaum perempuan dilihat saling tolong-menolong di antara satu sama lain di dapur menyediakan makanan untuk tetamu. Orang kampung pula termasuk Jantan dan Hjh. Munah sibuk menyiapkan hidangan ayam panggang untuk menjamu Srengenge. Ayam tersebut dipanggang oleh pihak lelaki sambil mereka berbual dan bergelak ketawa mengenai persediaan ayam yang dilakukan oleh Debasa. Badang-badang berisi ayam yang telah dipanggang seterusnya dibawa keluar satu persatu dan diletakkan menghadap ke Bukit Srengenge. Lima badang yang telah siap disusun dan diteliti sama ada cukup, terlebih atau terkurang. Useng

kemudiannya menabur beras dan membaca beberapa ayat serta mantera sebagai persediaan.

Persoalan kebudayaan yang demikian menjadi menarik bagi Gramsci (1971) kerana dari itu orang dapat mendeduksikan pentingnya aspek budaya yang menjadi amalan dalam aktiviti kolektif harian masyarakat yang praktis. Segala aktiviti budaya itu akan bermuara pada satu sasaran yang tunggal, iaitu penciptaan satu iklim budaya yang tunggal melalui suatu proses yang rumit dan menjadi kukuh dalam sosial-budaya masyarakat tradisional. Penciptaan satu iklim yang tunggal itu menuntut pemersatuhan sosial budaya yang melaluinya pelbagai kehendak dan tujuan yang tersebar secara heterogen. Kegiatan serupa itu merupakan aktiviti yang mengukuhkan hegemoni sosial-budaya masyarakat Melayu tradisi yang kolektif. Di samping itu, apabila orang-orang Melayu beragama Islam, maka kesan-kesan adat Hindu yang menjadi amalan didapati semakin berkurangan. Islam yang telah mempunyai peraturan atau hukum-hukum yang tersusun perlu diikuti dan mempengaruhi keseluruan cara hidup orang-orang Melayu. Namun demikian, kepercayaan warisan tetap memainkan peranan mempengaruhi sebahagian daripada kehidupan masyarakat setelah disesuaikan dengan kehendak-kehendak islam. Maka dalam keadaan demikian didapati selalu pula adat tradisi yang berasaskan kepada kepercayaan warisan itu bercampur aduk dengan Islam (Wan Abdul Kadir, 1994 hal:122). Situasi ini biasa tergambar bagi penduduk-penduduk kampung terutamanya bagi penduduk kampung di kawasan pendalaman. Mereka ternyata mempercayai sesuatu kuasa

selain dari kuasa Allah swt tanpa menafikan kewujudan Allah SWT. Kepercayaan mereka ini juga diperkuatkan apabila Imam Hamid telah diserang penyakit misteri apabila dia pulang dari meracik tekukur di Bukit Srengenge. Penyakit itu telah diubati oleh Useng yang berkebolehan mengubati penyakit-penyakit misteri.

Penduduk kampung kaki Srengenge mendapat tahu bahawa Imam Hamad telah 'ditegur' oleh Bukit Srengenge. Tidak mungkin ada punca lain yang menjadi penyebab kepada penyakit misteri tersebut. Apabila dinasihati oleh Useng bahawa salah satu cara untuk mengubati penyakit tersebut adalah dengan menjamu Bukit Srengenge, maka, seluruh penduduk kampung wajib mempercayainya tanpa bantahan. Malangnya, Imam Hamid meninggal dunia walaupun penduduk kampung telah menjamu Bukit Srengenge. Akan tetapi, penduduk kampung masih percaya bahawa Bukit Srengenge masih dijaga oleh datuk-datuk dan tetap memuliakannya. Jika sesiapa yang ingin memugar bukit itu, ianya diibaratkan seperti meruntuhkan madrasah, mencabut batu nisan dan mengoyakkan al-quran. Begitulah agungnya pegangan penduduk kampung akan kekebalan Bukit Srengenge yang mana disebabkan itulah balasan yang menimpa Imam Hamid. Malahan jika ada yang berniat hanya di hati untuk melakukan apa-apa perubahan pada bukit tersebut diibaratkan seperti ingin membunuh diri yang mana hukumnya adalah berdosa besar.

Oleh yang demikian, kehidupan orang-orang Melayu yang berkaitan dalam konteks hubungan mereka dengan Allah telah menjadi akar umbi kepada

iman, masyarakat, budaya dan alam persekitarannya. Hubung kait antara satu sama lain itu tercantum dalam keseluruhan hidup mereka yang merupakan kesatuan. Matlamat dan arah kehidupan anggota masyarakat Melayu tidak dapat dipisahkan daripada rangka pemikiran demikian. Pemikiran yang berdasarkan kepada keperayaan warisan yang kukuh telah menjadi dasar akan terbinanya hegemoni sosio-budaya yang menentukan perlakuan kehidupan harian dan adat dalam masyarakat Melayu tradisi.

Walau bagaimanapun, dalam kepercayaan warisan orang-orang Melayu yang menganut agama Islam menyedari hubungan diri mereka dengan Allah. Peranannya yang perlu dimainkan ialah sebagai hamba Allah. Bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat nanti kita memerlukan amalan yang baik, terutama melakukan suruhanNya dan meninggalkan segala yang disuruh. Hubungan diri dengan Tuhan bukan merupakan satu hala sahaja. Mereka menyedari akan bencana yang akan dikenakan apabila melakukan dosa atau menentang kehendak Islam sebagaimana yang telah ditentukan dan digambarkan oleh Shahnon Ahmad dalam *Srengenge*. Dalam memahami sesuatu bencana yang datang, bukan semata-mata pada hari kemudian, malah bencana itu mungkin dialami semasa hidupnya lagi.

#### **4.0 Penutup**

Orang-orang Melayu sudah mempunyai tradisi budaya yang mantap sebelum menerima agama Islam. Peraturan-peraturan sosial yang telah menjadi amalan tradisi yang diwarisi dari sejak satu generasi kepada satu generasi diperturunkan

secara lisan. Norma-norma sosial yang dikenali sebagai adat menjadi teras kepada warisan budaya tradisi memperkuatkan hegemoni sosio-budaya dalam kehidupan harian masyarakat Melayu tradisi seperti yang tergambar dalam *Srengenge*. Menerima Islam, nilai-nilai tradisi terpaksa disesuaikan dengan kehendak-kehendak Islam. Dalam hal ini sudah pasti timbul percanggahan atau konflik dan proses penyesuaian terpaksa dilakukan oleh para anggota masyarakat Melayu demi mewujudkan kesejahteraan dan keharmonian masyarakat secara menyeluruh.

Kedudukan adat perlu dilihat sebagaimana juga kepercayaan tradisi yang tidak mudah hilang atau lenyap begitu sahaja. Proses penyesuaian adat dengan kehendak-kehendak Islam terpaksa dilakukan. Dalam hal ini, pilihannya iaitu memberi interpretasi atau makna terhadap adat Melayu tradisi bersesuaian dengan kehendak Islam. Proses memberi makna atau interpretasi itu dapat membina *worldview* tersendiri sehingga fenomena adat itu dapat dianggap tidak bercanggah dengan kehendak-kehendak Islam itu. Sesungguhnya, penghidupan orang Melayu tidak seharusnya mengharapkan atau bergantung kepada kuasa luar biasa yang memperkuatkan hegemoni kepercayaan warisan dan menjadi amalan mereka dalam *Srengenge*. Sebagaimana disentuh mereka merujuk atau kembali kepada kuasa luar biasa dan Islam apabila mereka tidak dapat mengatasinya.

## Rujukan

Anthony Giddens. 1985. *Kapitalisme dan Teori Sosial Modern*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia.

Antonio Gramsci (terj). 2001. *Catatan-catatan Politik*. Surabaya: Pustaka Promethea.

Ben Agger. 2003. *Teori Sosial Kritis*. Yogyakarta. Kreasi Wacana.

Layman Tomersgent. 1981. *Contemporary Political Ideologies*. Illionis:Dorsey.

Laurenson, Diana and Alan Swingewood. 1972. *The Sociology of Literature*. London: Granada Publishing Limited.

Lavine.T.Z (terj). 1984. *Hegel: Revolusi Dalam Pemikiran*.Yogyakarta: Penerbit Jendela.

Lodge, David. 1970. *The Art of Fiction*. New York: Penguin Books.

Quintin Hoare and Geoffrey Nowell Smith. 1971. *Selection The Prison Notebooks of Antonio Gramsci*. New York. International Publisher.

Mohd Koharuddin Mohd Balwi. 2005. *Peradaban Melayu*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

Muhd. Yusof Ibrahim. 1985. *Sejarah Intelek*. Petaling jaya : International Book Service.

Mohd Taib Osman. 1983. *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Renate Holub. 1992. *Antonio Gramsci; Beyond Marxism and Postmodernism*. London: Routledge.

Richard De George. *The New Marxism; Soviet and East European Marxism Since 1956*. New York: Pegasus.

Robert Bocock. 2007. *Pengantar Komprehensif Hegemoni*. Bandung: Jalasutra

Robert Escarpit. 1971. *Sociology of Literature*. London: Frank Cass and Company Limited.

Roger Webster (terj). 2004. *Mengkaji Teori Sastera; Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Shahnon Ahmad. 2003. *Srengenge*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Simon, Roger (terj). 1999. *Gramsci's Political Thought*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

Slaughter, Cliff. 1980. *Marxism, Ideology and Literature*. London: The Macmillan Press Ltd.

Wan Abdul Kadir. 1994. *Nilai dan Worldview orang Melayu*. Petaling Jaya. Masfami Enterprise.